

Rubberex Corporation (M) Berhad
199601000297 (372642-U)

DASAR SIFAR YURAN PENGAMBILAN

1. RUBBEREX CORPORATION (M) BERHAD dan anak syarikatnya ("Rubberex", Kumpulan") komited untuk memastikan bahawa tenaga kerjanya, tempatan dan asing, tidak dikenakan sebarang yuran atau kos yang berkaitan dengan pekerjaan mereka dalam Rubberex;
2. Dasar ini mendokumenkan pendirian Kumpulan kami untuk menerapkan amalan pekerjaan yang bertanggungjawab termasuk tidak mengenakan yuran berkaitan pengambilan pekerja di mana-mana peringkat proses pengambilan pekerja, sama ada oleh Rubberex, ejen kami dan/atau sub-ejen mereka di negara penghantar serta di Malaysia;
3. Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan perspektif Kumpulan mengenai Amalan Buruh Paksa yang didokumentasikan oleh Jabatan Sumber Manusia dan disahkan oleh Pengurusan Rubberex;
4. Rubberex tidak akan mengenakan bayaran kepada pekerja, terutamanya pekerja asingnya, secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, apa-apa kos yang berkaitan dengan pekerjaan mereka di Rubberex seperti pemprosesan dokumen rasmi dan/atau visa kerja, pengangkutan, penginapan, perubatan dan/atau cukai. Kami tetap berpandukan kepada "Definisi Yuran" dalam tatakelakuan Responsible Business Alliance, klaus A, perkara (1) iaitu Pekerjaan yang Dipilih Secara Bebas, yang berkuat kuasa pada 01 Januari 2021 (pautannya ialah: <https://www.responsiblebusiness.org/media/docs/RBADefinitionofFeesJan2021.pdf>);
5. Sekiranya yuran dan/atau kos tersebut didapati dikenakan kepada pekerja asing, Rubberex akan membayar balik kepada pekerja itu dalam tempoh enam puluh (60) hari, tertakluk kepada kepuasan setelah semakan dibuat bahawa yuran dan/atau kos tersebut telah ditanggung oleh pekerja asing;
6. Rubberex telah terlibat secara aktif dengan pekerja asing sedia ada melalui temuduga untuk memastikan bahawa mereka tidak dikenakan sebarang yuran pengambilan pekerja. Pembayaran balik kos dan/atau tindakan pemulihan telah dijalankan sejak 2020 dan kami akan terus melibatkan pekerja asing sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan terhadap amalan pematuhan buruh dan sosial yang baik;
7. Dalam menegakkan Dasar Sifar Yuran Pengambilan ini, Rubberex telah dan sedang melanjutkan tindakan pembayaran balik dan/atau pemulihan kepada bekas pekerja asing yang telah meletak jawatan atau meninggalkan Rubberex sebelum Dasar ini dilaksanakan; ini bagi memastikan layanan menyeluruh dan adil kepada semua pekerja asing sama ada yang sedang dalam perkhidmatan atau sebelumnya di bawah penggajian Rubberex.

This document has been translated/transcribed
and certified as true by ATS TRANSLATION SDN. BHD
(Company Registration: 1342368-W)



Authorised Signature